

# PERBANDINGAN PENDEKATAN PENJAJAHAN BRITISH DAN BELANDA

Rahimin Affandi Abdul Rahim,  
Ahmad Farid Abd Jalal,  
Ahnaf Wafi Alias  
Huzaimah Ismail

(Muzium Abu Bakar Pekan Pahang; [faqir\\_ila\\_rabbih@um.edu.my](mailto:faqir_ila_rabbih@um.edu.my))

## **Abstract:**

*This paper investigates the patterns of British (British) and Dutch colonialism and their impact on colonized countries. With the library approach, it can be emphasized that the two colonial powers were indeed directly and indirectly involved in oppressing the colonies. There are more similarities than differences when touching the colonial approach used. It is not even outrageous to say that the approach of domination (physical oppression) and British hegemony (oppression by deception) is more evil and that it lasts longer in Malaysia. The proof is that many problems in Malaysian society have arisen, such as the issue of the polarization of the people, the weakness of Islam, the economic weakness of the Malays and many more - all of which are based on the evil nature applied by the British.*

## **Keywords:**

***Religious violence, radicalism, Indonesian politics***

## **I. Pendahuluan**

Sejarah dunia menyaksikan berlakunya proses interaksi antara masyarakat dunia pelbagai benua. Sebelum British datang, di Alam Melayu sebagai lokasi yang kaya dengan hasil bumi, telahpun wujud masyarakat yang berbentuk pluraliti (majmuk). Tetapi sifatnya berbeza dengan apa yang berlaku dan diperkenalkan oleh British. Jauh sebelum British datang ke Tanah Melayu, Alam Melayu telah menjadi tumpuan pelbagai ras etnik berbeza kerana; *pertama*, kedudukannya yang strategik berada di tengah jalan dagang antara benua timur tengah dan eropah dengan benua China. *Kedua*, kawasan alam Melayu memang menjadi tumpuan budaya dan agama dunia (seperti hindu-budhha dan Islam).<sup>1</sup>

Pola masyarakat majmuk pada zaman sebelum kedatangan penjajah British adalah terbentuk melalui proses semula jadi. Para pedagang datang secara sukarela untuk

mencari kehidupan dan kekayaan dengan disertai oleh ahli keluarga. Jika mereka mengambil keputusan untuk terus menetap di Alam Melayu, maka keputusan tersebut merupakan keputusan berasaskan persetujuan sebulat suara bersama ahli keluarga. Keputusan hidup yang terhasil daripada persetujuan tanpa paksaan seterusnya menjamin ketenangan fikiran dan perasaan mereka.

Pada waktu ini, proses interaksi ataupun dialog pelbagai ras etnik telah berlaku dengan baik; tanpa ada sifat monopoli dan tindas menindas. Hasilnya, mereka berjaya mewujudkan interaksi yang mesra dengan penduduk tempatan. Terdapat unsur-unsur akomodasi dalam kehidupan masyarakat pluralistik pada zaman tersebut. Mereka secara sukarela sanggup berkahwin dengan penduduk tempatan. Contohnya, masyarakat China Baba ialah keturunan China yang telah berkahwin dengan masyarakat tempatan. Di samping itu,

---

<sup>1</sup> Abdul Rahman Haji Ismail (2003), Bumiputera, Malay And Islam: A Historical Overview, *Kajian Malaysia*, No. I &2, h. 105-121.

mereka juga mengamalkan budaya kehidupan seharian orang Melayu. Selain itu, amalan dan adat resam yang dibawa masuk oleh mereka juga diterima pakai oleh penduduk tempatan. Sebagai contoh, adat bersanding, bunga manggar dan bunga telur dalam majlis perkahwinan merupakan asimilasi penduduk tempatan dengan pendatang dari India.

Mengikut Osman Bakar,<sup>2</sup> globalisasi bukanlah fenomena baru, ianya pernah berlaku di dalam sejarah manusia sejagat. Globalisasi pertama timbul dengan perkembangan perdagangan dan penyebaran agama Islam di Alam Melayu daripada tanah Arab dan kawasan Indo-Pakistan. Impak positifnya boleh dilihat apabila masyarakat Melayu menerima Islam dan membangunkan tamadun material dan intelektual yang cukup tinggi. Globalisasi gelombang kedua berlaku dengan kedatangan pelbagai kuasa penjajah Barat yang bersifat menindas. Secara jelas, globalisasi kedua dimulai dengan penjajahan British di Tanah Melayu.<sup>3</sup> Berbanding dengan tahap globalisasi pertama, tahap globalisasi kedua telah membawa beberapa elemen buruk, merangkumi;<sup>4</sup>

1. pihak Barat membahagikan dunia kepada dunia dan kawasan tanah jajahan.
2. wujudnya perniagaan hamba, senjata api dan candu.
3. Rosaknya demografi penduduk pribumi dengan datangnya bangsa imigran asing.
4. lahirnya ilmu kolonial-orientalis yang sebar idea kelemahan bangsa dijajah yang kekal sehingga pada masa sekarang. Ia telah meninggalkan kesan epistemologi negatif yang kekal sehingga selepas Malaysia merdeka.

Bertepatan dengan ungkapan filosofi berbunyi: *sejarah manusia adalah seperti*

*roda yang sentiasa akan berkembang dan berulang kembali*, proses penjajahan kuasa Barat silam telah berulang kembali di zaman global sekarang. Pada hakikatnya ia adalah penerusan globalisasi kedua. Dalam era globalisasi, kepentingan kelompok dan kawasan geografi tertentu (Nation-State) cuba dihapuskan. Kesedaran ini timbul akibat daripada tragedi Perang Dunia Kedua yang mengorbankan berjuta nyawa manusia. Hasilnya, pihak Barat telah menekankan kewujudan konsep *New World Order* untuk kepentingan manusia sejagat. *New world order* ini mempunyai beberapa agenda yang utama;

1. Sempadan kawasan sesuatu geografi yang ditentukan oleh kuasa politik sudah tidak relevan lagi kerana dunia telah semakin mengecil seolah-olah menjadi perkampungan kecil (*global village*).
2. Kedaulatan sesuatu negara sudah tiada, kerana program pembangunan sesuatu negara bangsa ditentukan oleh syarikat gergasi dunia (*Trans National Company*). TNC ini dikuasai oleh kuasa imperialisme kapitalis Barat mampu mencorakkan situasi masyarakat dunia.
3. Dengan penguasaan mutlak terhadap ICT, TNC mampu mencorakkan pemikiran masyarakat dunia dengan pemikiran yang dicanangkan sebagai lebih bermutu, moden, bersifat semasa dan penuh dengan nilai-nilai kemanusiaan sejati. Asas pemikiran ini bersumberkan kepada paradigma pemikiran sekularisme (anti agama).
4. Semua konsep dan idealisme Barat era sebelum zaman post-modernism perlu dikaji semula bahkan perlu ditolak sepenuhnya demi untuk kebaikan manusia sejagat. Namun begitu, penolakan ini tidak berlaku kepada

<sup>2</sup> Osman Bakar (2003), *Globalisasi Dan Peradaban*, Dalam A. Aziz Deraman, *Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, h. 33-38

<sup>3</sup> McVey, Ruth T, (1998), *Globalization, Marginalization, And The Study Of Southeast Asia, Southeast Asian Studies: Reorientations*. *The Frank H. Golay Memorial Lectures 2 & 3*. Ithaca, NY: Cornell University Southeast Asian Program.

<sup>4</sup> Sivachandralingam Sundara Raja (2001), “Sumbangan Pedagang Negeri (Country Traders) Dalam Penulisan Sejarah Malaysia”, Dalam (Ed. Oleh Mohammad Redzuan Othman) *Jendela Masa; Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato’ Khoo Kay Kim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 85-94.

fahaman sekularisme yang masih lagi dipegang dan menjadi asas yang kukuh untuk pemikiran post-modernism.<sup>5</sup>

Ide *New World Order* ini tidak secara mutlak diterima oleh masyarakat dunia. Terdapat sebilangan sarjana dan termasuklah masyarakat Barat sendiri yang menentang keras idea new world order ini. Penentangan ini dilihat telah dilakukan oleh tiga kelompok yang utama;

1. Pemimpin politik negara dunia ketiga yang mendakwa program *New World Order* ini lebih bermatlamatkan mengekalkan kepentingan dominasi kuasa kapitalis Barat. Ia secara langsung menindas dan tidak mempedulikan kedaulatan negara dunia ketiga.
2. NGO Barat sendiri yang menentang hebat program globalisasi. Ia dikatakan lebih berpihak kepada kuasa negara Barat menindas negara mundur.
3. Penganut agama terbesar dunia, termasuklah agama Islam sendiri. Mereka telah mencerakinkan taktik penjajahan mental dan fizikal berteraskan fahaman sekularisme-kapitalisme yang dibawa oleh kuasa Barat.

Dalam bidang ekonomi contohnya, semua bentuk ekonomi tradisi berubah kepada sistem ekonomi global dengan menerimapakai pendekatan ekonomi kapitalis Barat. Hal ini berlaku apabila pelbagai agensi ekonomi dunia ala kapitalis seperti NAFTA (*North American Free Trade Association*), EU (*European Union*), AFTA (*Asian Free Trade Association*), WTO (*World Trade Organization*) Dan GATT (*General Agreement On Tariff And Trade*) ditubuhkan dengan usaha pihak kuasa Barat. Kalau dulunya, ekonomi sesuatu Negara ditentukan oleh kuasa pemerintah tempatan

dengan segala dasar dan polisinya, tetapi dengan munculnya fenomena globalisasi ini pelbagai agensi ekonomi global ini telah melakukan perjanjian kerjasama dengan syarikat Multinasional (TNC)- sesebuah Negara itu tidak lagi mempunyai pengaruhnya secara mutlak dalam membentuk pembangunan ekonomi negaranya sendiri.<sup>6</sup>

## II. Metode Penelitian

Metode yang digunakan adalah analisis wacana. Karena analisis wacana digunakan oleh banyak aliran linguistik, maka akan berguna untuk mempelajari literatur lokal dan internasional dengan menggunakan analisis semiotik yang menetapkan bahwa analisis teks adalah bagian penting dari analisis sosio-budaya, dengan menghubungkan sifat-sifat teks untuk ideologi, hubungan kekuasaan dan nilai-nilai budaya.<sup>7</sup> Ini akan, pada gilirannya, membutuhkan interpretasi bahasa untuk menyelidiki makna teks.<sup>8</sup> Metode analisis wacana ini akan menjadi metode utama dalam penelitian ini untuk interpretasi simbol dalam bahasa.

Singkatnya, isi penelitian ini mengungkap pelbagai hal termasuk berita, surat dan artikel, yang ada kaitannya dengan tema ini. Berita sebagian besar terdiri dari tuntutan yang dibuat oleh para pemimpin politik, partai, berbagai organisasi yang terpengaruh atau ingin dipengaruhi oleh kebijakan pemerintah, dan reaksi mereka terhadap kebijakan tersebut. Surat adalah sifat umpan balik dari masyarakat umum; mereka juga membantu membawa ke "tempat terbuka" apa yang laten. Artikel dirancang untuk meningkatkan dan menyelesaikan masalah melalui diskusi terbuka. Editorial terdiri dari umpan balik dari media massa dan memainkan sebagian

<sup>5</sup> Rahman, M. T. (2010). *Social Justice in Western and Islamic Thought: A Comparative Study of John Rawl's and Sayyid Qutb's Theories of Social Justice* (Doctoral dissertation, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 5-6.

<sup>6</sup> Mohd Yusoff Othman (2005), "Pembinaan Konseptual Dalam Pembelajaran Di IPT", Dalam

(Edit) Abdul Razaq Ahmad, *Mahasiswa Abad 21*, Bangi: Penerbit UKM, h. 116.

<sup>7</sup> Kackman, M., & Kearney, M. C. (Eds.). (2018). *The Craft of Criticism: Critical Media Studies in Practice*. Routledge, h. 24.

<sup>8</sup> Johnstone, B. (2018). *Discourse analysis* (Vol. 3). John Wiley & Sons, h. 39.

besar dalam komunikasi politik. Dengan demikian, berita, surat, artikel dan editorial bersama-sama melakukan tugas komunikasi politik dalam masyarakat Indonesia.

Kemudian, secara etimologi, koloni adalah kawasan baru yang diduduki oleh orang asing yang berpindah. Secara termnya mengikut kamus oxford, penjajahan adalah istilah buruk bagi setiap aktiviti eksploitasi membabitkan penggunaan kuasa/kekerasan pihak kuat keatas pihak yang lemah. Atas dasar itu, kolonialisme adalah penjajahan dan penguasaan pihak luar ke atas pihak tempatan walaupun atas matlaamat dan kaedah apa sekalipun. Ia membabitkan penggunaan kekerasan secara terang-terangan ataupun halus (tipu muslihat).<sup>9</sup>

Michael Hawksley menegaskan bahawa walaupun apa teknik penjajahan/dominasi yang digunakan, matlamat akhirnya adalah untuk mendapatkan keuntungan maksimum. Ia adalah hasil pelbagai kaedah kontrol untuk ia dapat bertahan lama yang dibuat melalui struktur dan pentadbiran yang berkuasa.

Jadi, secara kerangka asasnya, kolonialisme terbahagi kepada 4 jenis:

1. *Plunder* (penjajahan secara ganas untuk tujuan merompak pihak lain). Contohnya apa yang dilakukan oleh King Leopold di Congo, Afrika.
2. *Commence* (perdagangan). Contohnya apa yang dilakukan oleh Belanda di Indonesia.
3. *Expansion* (perluasan kawasan / monopoli ke atas perdagangan dunia ). Contohnya apa yang dijalankan oleh british, german dan perancis.
4. *Administrative* (penjajahan yang menekankan pendekatan pentadbiran demi untuk dapat mengekalkan kuasa

<sup>9</sup> Charles Michael Hawksley (2001), *Administrative Colonialism: District Administration And Colonial Middle Management In Kelantan 1909-1919 And The Eastern Highland Of Papua New Guinea 1947-1957*, Tesis Kedoktoran Untuk University Of Wollongong, h. 4-16.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> Governor-General Belanda, Jan Pieterszoon Coen (1587 - 1629) dilaporkan telah membunuh seramai

yang lebih lama). Contohnya apa yang dijalankan oleh british di Tanah Melayu.<sup>10</sup>

### III. Hasil Penelitian dan Pembahasan

#### A. Aspek Persamaan Penjajahan

##### 1. Penjajahan Mental dan Fizikal

Apa yang dimaksudkan dengan penindasan kolonialisme adalah aktiviti dan polisi pihak kolonial yang menindas /menzalimi masyarakat tanah jajahan membabitkan hak asasi - terdiri daripada hak agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Ia membabitkan dimensi fizikal, struktural masyarakat, budaya dan intelektual.

Dari aspek fizikal, kedua kuasa penjajah ini memang terlibat memerangi dan mmbunuh masyarakat tanah jajahan yang memakan korban yang besar. Hal ini boleh dilihat kes belanda di Aceh<sup>11</sup> dan British di perak dan kelantan. Dari aspek struktural masyarakat, kita boleh melihat polisi / taktik yang mengubah struktur lama kepada baru yang berkonotasi negatif untuk melemahkan sesuatu masyarakat.

British telah membawa masuk imigran cina dan india untuk terlibat dalam ekonomi perlombongan, peladangan dan perkhidmatan. Orang China digalakkan membuka lombong-lombong bijih timah dan emas. Sebagai contoh, akibat daripada dasar campur tangan dan ekonomi kapitalis, penjajah British telah membawa masuk imigran China untuk bekerja di lombong bijih timah. Menjelang tahun 1931, jumlah imigran China telah mencapai angka 663,518 orang di Negeri Selat, 711,540 orang di Negeri Melayu Bersekutu dan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu berjumlah 330,857 orang.<sup>12</sup>

lima belas ribu orang penduduk Aceh dalam usahanya menamatkan penentangan masyarakat Aceh. Stevens, H. (2015), *Bitter spice - Indonesia and the Netherlands from 1600*, Vantilt, Nijmegen, h. 23.

<sup>12</sup> Nazri Muslim (2011). *Islam dan Orang Melayu Menurut Perlembagaan Dalam Konteks Hubungan Etnik: Kajian Ke Atas Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Tesis PhD, Universiti Malay

Penghijrahan imigran India secara beramai-ramai pula berlaku pada tahun 1840 untuk bekerja di ladang tebu dan kopi di Seberang Prai. British juga membawa masuk imigran India untuk bekerja sebagai kerani, pembantu hospital dan kakitangan kereta api. Pertambahan imigran India semakin meningkat menjelang abad ke-20. Hal ini kerana pada masa tersebut, banyak ladang dan estet getah telah dibuka oleh peladang Eropah. Mereka lebih suka mengambil buruh dari India kerana kos upah yang lebih murah dan wujudnya pentadbiran British di India yang memudahkan lagi proses pengambilan buruh.

Peningkatan jumlah imigran India semakin pesat dan sehingga tahun 1931, terdapat seramai 132,277 orang India di Negeri-negeri Selat, 379,996 orang di Negeri-negeri Melayu Perlembagaan Persekutuan 27 Bersekutu dan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pula seramai 110,951 orang. Situasi ini menyebabkan wujudnya jurang pemisah yang luas dalam interaksi dan pengaruh budaya antara masyarakat China dan masyarakat Melayu.

Perkara ini disebabkan oleh kawasan petempatan yang berasingan yakni orang China tertumpu di kawasan bandar terutama sekali di kawasan perlombongan seperti Kuala Lumpur dengan bilangan orang China meliputi 79% daripada jumlah penduduk iaitu seramai 43,786 pada tahun 1891. Polisi pentadbiran British juga secara sengaja memisahkan petempatan antara kaum ini melalui dasar pecah dan perintah. Di samping itu, kawasan petempatan orang China merupakan kawasan yang berdikari sendiri yakni penduduknya tidak perlu berinteraksi

dengan orang luar untuk kelangsungan hidup mereka sepanjang hayat.

Ia menjadikan orang Melayu terpinggir di bumi sendiri kerana mereka tinggal di kawasan pedalaman yang jauh daripada segala nikmat pembangunan seperti sekolah, jalanraya, bandar, sistem keretapi dan sebagainya.

British juga memperkenalkan sistem politik yang berbeza dengan zaman sebelumnya. Ia menyebabkan sistem pemerintahan negara berubah daripada yang bersumberkan Islam kepada sistem politik sekular. Bagi British, sistem politik dan pentadbiran negara tiada kena mengena dengan Islam. Bahkan Islam ditadbir mengikut peraturan British dengan penubuhan majlis agama Islam setiap negeri. Dalam struktur politik terbaru, Sultan hanya menjadi boneka dan tertakluk kepada majlis mesyuarat negeri yang dianggotai oleh Residen British, wakil saudagar China dan pembesar Melayu.<sup>13</sup> Mengikut model pentadbiran politik British ini<sup>14</sup>;

1. Sultan sudah tiada daulat dan hanya menjadi boneka semata-mata,<sup>15</sup> kerana ia tertakluk kepada kehendak Residen British. Tetapi beliau dan pembesar Melayu akan mendapat bayaran elaun tetap bulanan yang diambil daripada perbendaharaan negeri.<sup>16</sup>
2. Banyak amalan tradisi yang menindas masyarakat awam Melayu dihapuskan, seperti sistem hamba dan kerah.<sup>17</sup> Sistem hamba ini dihapuskan pada tahun 1883.<sup>18</sup> Sebaliknya sistem upah pekerja

<sup>13</sup> Iza Hussin (2007), *The Pursuit of the Perak Regalia: Islam, Law and The Politics of Authority in the Colonial State*. *Law and Social Inquiry* 32 no.3, h. 763.

<sup>14</sup> Chai Hon-Chan (1967), *The development of British Malaya 1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press., h. 9.

<sup>15</sup> Syed Mohammed Ad'ha Aljunied (2010), *Colonial Powers, Nation-States And Kerajaan In Maritime Southeast Asia: Structures, Legalities And Perceptions*, dalam *New Zealand Journal of Asian Studies* 12, 2 h. 95-97

<sup>16</sup> Lim Teck Ghee (1976), *Origins of a colonial economy: Land and agriculture in Perak 1874-1897*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 68-19

<sup>17</sup> Chai Hon-Chan (1967), *The development of British Malaya 1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press., h. 12.

<sup>18</sup> Jomo, K. S (1988), *A Question Of Class: Capital, The State, And Uneven Development In Malaya*. Monthly Review Press/Journal of Contemporary Asia Publishers, h. 7-10

diperkenalkan walaupun bekerja untuk tujuan sultan.<sup>19</sup>

3. Kuasa memungut cukai dipegang oleh Residen yang bakal dipergunakan untuk pentadbiran negeri. Pelaksanaan dasar ini amat dirasai oleh pembesar Melayu kerana sebelumnya cukai ini menjadi sumber pendapatan mereka.<sup>20</sup> Sistem cukai yang diperkenalkan british sangat berbeza dengan amalan tradisi Melayu sebelumnya. Ia dapat menjana ekonomi negeri yang kekal hingga pada masa sekarang.<sup>21</sup>

Walaupun British mendakwa menjalankan dasar patriarki yang membela orang Melayu tetapi pada dasarnya ia lebih membela golongan raja dan pembesar. British telah menyediakan sistem pendidikan yang dapat menjamin kekuasaan mereka terus kekal. Melalui kajian sarjana-pentadbir british, mereka mengetahui system social masyarakat Melayu adalah berasaskan sistem feudal di mana masyarakat bawahan akan mentaati raja dan pembesar. Untuk itu demi memastikan mereka mendapat legitimasi pemerintahan dan tidak mendapat tentangan daripada rakyat, mereka mengekalkan strata sosial feudalism ini. Langkah terbaik adalah dengan menjaga pembesar dan berusaha menjarakkan jurang antara golongan pembesar dan rakyat melalui system pendidikan khusus. Lagipun, ia bersesuaian dengan dasar pecah perintah yang menjadi keutamaan utama.<sup>22</sup>

Pihak colonial telah menyediakan tiga bentuk system pendidikan yang berbeza antara golongan pembesar, masyarakat awam dan etnik pendatang. Bagi masyarakat awam Melayu, tujuan utama dasar colonial British adalah:

1. untuk kestabilan politik supaya Tanah

Melayu tidak mengalami kekacauan akibat daripada pendidikan yang mungkin boleh menyedarkan orang Melayu untuk bangun memberontak dan mengusir pihak kolonial sebagaimana yang berlaku di India.

2. Untuk mengekalkan status quo orang Melayu agar mereka mengamalkan cara hidup tradisional sebagaimana harapan pihak kolonial hendak menjadikan orang Melayu selamanya penanam padi, nelayan, bercucuk tanam dan menetap di kampung-kampung dengan beridentitikan orang kampung yang memiliki kemahiran dan kesenian sedia ada.
3. Pendidikan Melayu tajaan pihak kolonial hanya mengharap orang Melayu memegang jawatan pangkat rendah dalam perkhidmatan kerajaan kolonial. Pekerjaan yang disandang oleh anak-anak Melayu setelah tamat belajar hanya sebagai pemandu kereta lembu, penanam padi, nelayan dan pengusaha kedai runcit kecil-kecilan. Pihak kerajaan kolonial juga mengharap anak-anak Melayu yang bersekolah agar dapat mempelajari cara hidup yang berperaturan, taat dan jujur jika mereka bekerja kelak.
4. Pihak kerajaan kolonial berharap agar dasar mereka terhadap pendidikan Melayu akan dapat membantu mengatasi masalah buta huruf dan dapat menjadikan orang Melayu cerdas serta tidak ditipu oleh orang yang tidak bertimbang rasa lebih-lebih lagi dalam masyarakat pelbagai kaum yang terdapat di Tanah Melayu.<sup>23</sup>

Kebijakan Belanda di Indonesia mewujudkan kelas pemuka adat yang dipertentangkan dengan ulama. Golongan ini

<sup>19</sup> Sadka, E (1968), *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 113

<sup>20</sup> Gullick, J. M. 1992. *Rulers And Residents*. Singapore: Oxford University Press, h. 1

<sup>21</sup> Ern Chen Loo (2014), The Impact Of British Colonial Rule On The Malaysian Income Tax System, Dalam *Ejournal Of Tax Research*, Vol. 12, No. 1, h. 238 – 252.

<sup>22</sup> Mehmet Ozay (2011), A Revisiting Cultural Transformation: Education System in Malaya During the Colonial Era, *World Journal Of Islamic History And Civilization*, 1 (1), h. 37-48.

<sup>23</sup> Awang Had Salleh (1980), *Pelajaran Dan Perguruan Melayu Di Malaya Zaman British Dengan Rujukan Khas Kepada Sultan Idris Training College (SITC)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 141-142.

diberikan kedudukan yang tinggi dalam struktur masyarakat Indonesia. Bahkan mereka menetapkan andainya berlaku pertentangan antara undang-undang adat dan Islam, maka undang-undang adat perlu diutamakan. Sedangkan pada hakikatnya pada sebelumnya keduanya adalah sama, berteraskan prinsip Islam.

Sebenarnya tidak banyak bezanya antara British dan Belanda dalam pendekatan penjajahan. Semuanya sama, tinggal lagi kadar dan polisi penindasan antara keduanya sahaja yang berbeza. Belanda lebih brutal tanpa segan silu seperti usaha menyembunyikan sejarah dan fakta kezaliman mereka. Sedangkan British walaupun sering ditonjolkan tidak terlalu brutal dan lebih berdiplomasi, pada hakikatnya British lebih jahat kerana (1) British memang menggunakan pendekatan brutal yang ditonjolkan dalam paparan sarjana kolonial kononnya dibuat penuh diplomasi dengan matlamat mentamadunkan masyarakat Tanah Melayu; (2) pendekatan British meninggalkan kesan jangka panjang yang lebih mendalam kerana ia menyerap dalam pemikiran dan epistemologi keilmuan masyarakat Tanah Melayu selepas merdeka dan (3) sarjana pentadbir kolonial British langsung tidak menunjukkan rasa simpati terhadap bangsa Melayu, walaupun sering dicanangkan menjalankan dasar patriarki kepada bangsa Melayu.

## 2. Mengaut Hasil Bumi Masyarakat Dijajah

Memang sejak awal lagi, kedua kuasa British dan Belanda terlibat dalam bentuk perdagangan yang agak negatif yang mementingkan keuntungan melebihi perkara lain, sehingga sanggup menindas dan menjejaskan kemanusiaan itu sendiri.<sup>24</sup> Mereka terlibat dalam perdagangan senjata, candu dan hamba.<sup>25</sup> Mereka lebih suka

memaksa pihak pemerintah tempatan di Tanah Melayu dan Indonesia memberikan hak monopoli hanya kepada mereka.

Sejarah mencatatkan bagaimana hasil monopoli perdagangan rempah diikuti dengan perdagangan hamba yang dikaut oleh Belanda di Indonesia begitu besar sekali hingga dapat menyelamatkan negara Belanda daripada masalah kemuflihan.

## 3. Memusnah Identiti Dan Maruah - Jati Diri Masyarakat Dijajah

Penjajahan British dan Belanda yang memeras hasil bumi alam Melayu menyebabkan masyarakat peribumi merasa terhina sehingga menyebabkan berlaku pertentangan. Hal ini boleh dilihat dalam beberapa siri pertentangan kepada kuasa penjajah.<sup>26</sup>

Demi untuk menjaga maruah –jati diri masyarakat Melayu Islam, masyarakat Melayu di Alam Melayu melancarkan perang jihad bersenjata. Matlamatnya untuk memastikan agar kerajaan Islam dapat dipertahankan - kerana tanpa kerajaan sudah pasti pengamalan Islam yang syumul mustahil dapat dijalankan. Kerajaan Islam ini diperlukan bagi melaksanakan pelaksanaan syariah dan memungkinkan syiar Islam berkembang pesat di samping mewujudkan perpaduan ummah Islam.

Atas dasar ini Ibn Khaldun menegaskan bahawa fitrah dan sifat sayangkan bangsa sendiri adalah anugerah Allah pada setiap manusia. Ia umpama alat kelamin yang disediakan Allah untuk semua manusia. Andainya alat kelamin ini digunakan untuk tujuan yang haram ia menjadi salah dan andainya digunakan untuk tujuan yang betul ia dapat menjadi asas kekuatan diri. Begitu juga seandainya manusia dilahirkan tanpa mempunyai alat kelamin ia akan dianggap sebagai tidak sempurna. Secara rasionalnya kita mengakui

<sup>24</sup> Richard B. Allen (2009), *European Slave Trading in the Indian Ocean, 1500–1850*, Ohio University Press Athens, Ohio, h. 1-26.

<sup>25</sup> Van Welie, Rik. (2008), *Slave Trading And Slavery In The Dutch Colonial Empire: A Global Comparison*.

*New West Indian Guide/Nieuwe West-Indische Gids*, vol. 82, nos. 1-2, h. 47-96.

<sup>26</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), Dimensi Jihad Dalam Perjuangan Pahlawan Melayu Menentang Penjajah Di Pahang. *Jurnal Melayu DBP*, 10(1), 90-107

bahawa andainya manusia dilahirkan tanpa alat kelamin ia akan dianggap sebagai tidak lengkap. Ini kerana dengan bantuan alat kelamin ini banyak manfaat yang bakal terhasil untuk kepentingan manusia. Jadi, secara logiknya alat kelamin ini, ada ataupun tiada bukan menjadi masalah besar tetapi mesti tertakluk kepada ketaatan kepada hukum Allah.<sup>27</sup>

Bagi Dr. Burhanuddin Helmi, memang semangat sayangkan tanah air ini mempunyai hubungan simbiotik (saling berkait) dengan Islam. Terdapat empat elemen yang berkaitan dengan semangat sayangkan bangsa ini iaitu iman, diri, bangsa dan watan. Iman berdiri di atas diri. Diri berdiri di atas bangsa dan bangsa mesti berdiri di atas watan. Seperti mana manusia perlukan kebebasan dan kemerdekaan untuk hidup dan melayakkannya dikenakan taklif syarak, maka kemerdekaan bangsa dan watan sangat diperlukan untuk memastikan agama dapat ditegakkan di atas bumi.<sup>28</sup>

#### 4. Merompak Artifak / Manuskrip Sejarah Milik Masyarakat Dijajah

Joseph Maria telah melakukan kajian terhadap artifak masyarakat tanah jajahan yang tersimpan di muzium di barat. Ia mendedahkan daripada rekod sejarah yang dicatat oleh penjajah eropah sendiri tentang beberapa fakta yang agak mengemparkan. Antaranya, artifak berharga milik masyarakat peribumi di Afrika, timur tengah, india dan asia kebanyakannya dirampas oleh penjajah eropah yang dianggap sebagai harta rampasan perang. Mereka memang mengetahui artifak ini yang berupa patung objek keagamaan, perhiasan emas, tembaga, gading, peralatan senjata, manuskript ilmu dan sebagainya memang mempunyai pasaran yang tinggi di Eropah. Contohnya, Raffles dicatatkan telah merompak barangan istana keraton di Jogjakarta.

Kebetulannya ialah bahawa fenomena mengumpulkan bahan artifak eksotik dalam koleksi muzium memang menjadi kegilaan di eropah pada abad ke 18. Peminat barangan eksotik ini sanggup membeli dan menaja proses mendapatkannya di tanah jajahan. Dilaporkan timbul rungutan pihak muzium pusat di eropah tentang ketiadaan ruang yang mencukupi untuk menyimpan jumlah artifak yang terlalu banyak.<sup>29</sup>

Bahkan ada di antara artifak ini yang telah rosak teruk apabila kurang mendapat penjagaan yang baik. Contohnya, apa berlaku kepada Batu Pucangan dan Batu Catatan Raja Sailendra daripada Indonesia. Keduanya telah rosak teruk akibat tidak dijaga dengan oleh pegawai British. Hal ini dicatatkan oleh Joseph Maria;<sup>30</sup>

In 1812 Colonel Colin Mackenzie of the British-Indian forces in Java collected the *Pucangan Stone*. It was shipped to the colonial administration in India and is currently in a storeroom of the Indian Museum in Kolkata. Through the years, the clarity of the inscription on '*the sole known documentary source*' about the reign of King Airlangga (1019 - 1049), has been damaged. In the same period, Mackenzie collected the 10th century East-Javanese *Sangguran* stone, also with a rare inscription. Lieutenant-Governor T.S. Raffles donated it to the Governor-General of India, Lord Minto. Upon his departure, Minto took '*the last known recorded document issued by the Sailendra rulers of ancient Mataram in Central Java (8th - 10th century)*' to his estate in Scotland, where heavy winds and rain erased the inscription of what has become now a '*garden ornament*'. The Minto family wants a high sum as compensation, which Indonesia is unwilling to pay.

<sup>27</sup> Saleh Faghizadeh. *Sosiologi Sosiologi*, (terj. Mohd Fauzi Yaacob), Kuala Lumpur: ITNMB. 2004, hlm. 15-118.

<sup>28</sup> Kamaruddin Jaffar. 2000. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy; Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: IKDAS. 2000, hlm. 48-51.

<sup>29</sup> Joseph Maria van Beurden (2016), *Treasures in Trusted Hand Negotiating the future of colonial cultural objects*, tesis kedoktoran untuk Universiti Amsterdam, hlm 45-48.

<sup>30</sup> *Ibid*.



Memang diakui, ada artifak atau manuskript yang dihadiahkan oleh pemerintah Alam Melayu kepada kuasa penjajah British dan Belanda. Ia sebagai tanda hubungan diplomatik dibina antara keduanya. Namun begitu, sejarah mencatatkan sebahagian besar artifak ini seperti mana tercatat di muzium barat sebagai *Token Of War*. Ada sesetengahnya dijadikan sebagai bahan historiografi milik masyarakat tanah jajahan. Apa yang malangnya, kesemua bahan historiografi ini apabila dilakukan kajian oleh sarjana kolonial sering didedahkan sebagai tidak bermutu dan penuh dengan elemen mitos. Bahkan ia dijadikan alat utama untuk merendahkan masyarakat terjajah.

### 5. Memerangi Islam Dan Menggalakkan Penyebaran Agama Kristen

Pada dasarnya pihak kolonial telah berpegang pada semangat perang salib yang memusuhi Islam. Ini kerana mereka menyedari bahawa Islam adalah musuh yang bakal mengagalkan usaha penjajahan. Mereka menyedari tentang bahaya Islam sebagai pemankin perjuangan menentang penjajah.

Dalam usaha pihak kolonial mengkaji semua aspek struktural masyarakat Melayu, mereka memaklumi bahawa Islam dan institusi pengajian Islam memang menjadi asas kekuatan jati diri Melayu. Bagi British dan Belanda, Islam adalah umpama racun yang perlu diawasi. Namun begitu, hal ini tidak boleh dilakukan secara terang-terangan kerana bimbang akan menjemput penentangan orang Melayu. Dua contoh boleh diberikan, antaranya;

1. R.j.Wilkinson dan Winstedt dalam perancangan sekolah Melayu telah

membuang subjek sejarah Islam daripada kandungan sukatan pelajaran sekolah Melayu.<sup>31</sup> Ia disedari bakal menimbulkan kesedaran masyarakat tentang kegemilangan Islam menguasai dunia suatu masa dahulu.<sup>32</sup>

2. sarjana -pentadbir British dan Belanda yang menjadi tokoh utama membangunkan ilmu kolonial memang terdiri daripada lulusan IPT barat yang terdedah dengan gerakan orientalism. Jadi mereka memaklumi bahawa trauma perang Salib telah menyebabkan umat Islam memusuhi kuasa barat. R.j.Wilkinson dalam kompilasi kajiannya tentang masyarakat Melayu yang dijadikan teks utama untuk latihan kadet colonial menegaskan tentang bahayanya peranan Islam bagi kuasa British.<sup>33</sup> Begitu juga halnya dengan Snouck Hurgonje. Sebelum dilantik sebagai penasihat belanda di Indonesia, beliau pernah melakukan tesis tentang institusi Haji di Timur Tengah. Lagipun sarjana British dan Belanda (walaupun bermusuhan) telah saling berhubungan dalam menangani Islam di kawasan jajahan masing-masing.<sup>34</sup>

Pihak kolonial British dan Belanda membuka peluang luas kepada gerakan Kristian di Alam Melayu. Terdapat banyak gereja dan sekolah missionari dibina di Pantai Barat Tanah Melayu pada abad ke 19. Namun begitu hubungan antara gerakan Kristian dengan orang Melayu tidak berkembang dengan baik kecuali usaha individu tertentu pada awal abad 19 M. Contohnya, direkodkan bahawa William Milne telah berjaya mengkristiankan orang Melayu dalam jumlah yang kecil.

<sup>31</sup> Arba'iyah Mohd Noor (2001), "Pensejarahan Di Dalam Tradisi Barat Dan Melayu: Satu Perbandingan Ringkas", Dalam (Edit) Redzuan Othman, *Jendela Masa*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 26-27.

<sup>32</sup> Mehmet Ozay (2011), A Revisiting Cultural Transformation: Education System In Malaya During The Colonial Era, *World Journal Of Islamic History And Civilization*, v. 1 (1), h. 37-48

<sup>33</sup> Wilkinson, R.J. (1906), *Malay Beliefs*. Leiden: E.J. Brill, h. 19 dan 25.

<sup>34</sup> Matthew Schauer (2012), *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology, Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939*, tesis Ph.D untuk University of Pennsylvania, h. 66-68

Antara sebab utama penolakan orang Melayu terhadap agama Kristian; pertama, gerakan jihad anti-British dan keduanya kekuatan akidah orang Melayu. Michael Northcott telah menjadikan hubungan William Milne dan Abdullah Munshi sebagai model hubungan antara Islam dan Kristian pada awal abad ke 19 M. Namun ia tetap tidak dapat diterima oleh masyarakat Melayu sehingga ada pengkritik menganggap Abdullah Munshi sebagai tali barut Inggeris dan digelar sebagai Abdullah Paderi.

Pada umumnya, kebencian orang Melayu terhadap agama Kristian amat tinggi. Terdapat usaha Kristianisasi dijalankan oleh *The London Missionary Society* di tanah Melayu, namun amat sukar bagi Kristian menembusi benteng orang Melayu seperti yang diakui oleh John Rauws yang berkata, "... many missionary societies are at work, but not as directly to the Moslems...there is no mission, however, among the heathen in Malaysia which does not come in contact with Islam,"

Beliau mencadangkan keperluan memahami budaya dan adat orang Melayu untuk memenangi hati mereka agar tertarik kepada agama Kristian. Dalam masa yang sama usaha menterjemahkan Bible ke dalam Bahasa Melayu dilakukan. Namun hubungan antara Islam dan Kristian masih tidak baik. Menurut John Ernest Mevill bahawa Kristian harus mengkaji semula pendekatan paling sesuai kepada orang Islam. Malah missionari Kristian harus mempertimbangkan objektif kerja mereka di kalangan orang Islam sama ada hendak melakukan konversi atau hubungan.

Terdapat beberapa orang paderi kristian yang bergiat cergas dalam penyelidikan masyarakat Melayu. Ia sebagai kaedah asas untuk penyebaran agama kristian. Buktinya Francis Xavier dan

shallabear telah belajar tulisan jawi untuk tujuan penyebaran dan penterjemahan bible dalam bahasa Melayu. Seperti mana halnya dilakukan oleh sarjana pentadbir pihak kolonial yang mengumpul dan mengkaji tentang masyarakat Melayu, hal yang sama telah dilakukan oleh padri kristian ini. Tetapi ia tetap gagal mengkristiankan masyarakat Melayu dalam jumlah yang besar.

Pihak kristian telah dibenarkan membuka sekolah di Tanah Melayu. Pada peringkat awalnya, keluarga Melayu tidak membenarkan anak-anak mereka memasuki sekolah ini, kerana dibimbangkan anak mereka akan dikristiankan secara sistematik.<sup>35</sup> Ia disebabkan semangat kebencian terhadap agama Kristian yang diterapkan oleh mubaligh awal. Lagipun kebimbangan ini memang berasas, apabila dilihat kepada kesungguhan usaha yang dijalankan oleh paderi Kristian.

Mengikut laporan pihak kolonial sendiri, sebab utama masyarakat Melayu berbuat demikian kerana mendapati pengajaran Quran telah dimansuhkan. Sedangkan masyarakat Melayu mahukan pendidikan agama, termasuk subjek Quran diutamakan pada anak-anak mereka. Setelah pengajaran Quran dimumukkan dalam sekolah Melayu barulah masyarakat Melayu bersetuju menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu.<sup>36</sup> Hal ini secara langsung menunjukkan usaha mubaligh Islam awal memang meninggalkan kesan besar kepada keluarga Melayu.

Pihak kolonial cukup teliti dalam plan mereka memberikan pendidikan pada anak Melayu. Selepas berjaya memujuk anak Melayu menghadiri sekolah Melayu, kemudiannya subjek bahasa Inggeris diperkenalkan menggunakan tulisan Rumi. Ia diajar seiring dengan tulisan jawi.<sup>37</sup> Kemudiannya subjek tulisan jawi ini

<sup>35</sup>T. J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Volume One, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, p. 93, 171.

<sup>36</sup>W. H. Treacher, "Annual Education Report, For the Year 1893, Appendix", *Straits Settlements Annual Education Report, For the Year 1893*, p. 492; H. R.

Cheeseman, "Education in Malaya 1900-1941", 1979, Kuala Lumpur, p. 126; Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism*, 1975, p. 13; Ven. D. D. Chelliah, *A History of The Educational Policy*, p. 64; William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, p. 76.

<sup>37</sup>E. C. Hill, *Annual Educational Report, 1894, Straits Settlements Annual Reports For the Years 1894*,

dihapuskan dengan alasan bahawa pelajar terlalu dibebankan untuk mempelajari dua bentuk tulisan sekaligus.<sup>38</sup> Bahkan sebenarnya seperti mana dicatat oleh William Roff bahawa tulisan Rumi ini mempunyai agenda pengkristianan masyarakat Melayu.<sup>39</sup> Ia diusahakan oleh mubaligh kristian untuk memperkenalkan teks sastera Inggeris termasuk juga bible kepada masyarakat Melayu. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Wilkinson orang yang dipertanggungjawabkan menyediakan teks *Malay Readers*.<sup>40</sup> Ia dipergunakan sebagai teks wajib di sekolah Melayu. Teks ini mengandungi petikan karya sejarah Melayu dan hikayat Abdullah yang mengikutnya perlu dipelajari menggunakan tulisan Rumi, kononnya bagi wujudkan perpaduan sesama pelajar.<sup>41</sup>

## B. Aspek Perbezaan Penjajahan

### 1. Nisbah Korban Jiwa Atau Pembersihan Etnik

British didapati kurang terlibat dalam aktiviti *Etnik Cleansing* berbanding dengan penjajah belanda. Hal ini terbukti dengan usaha belanda menghapuskan pemberontakan di Jawa, Aceh dan Sumatera. Namun begitu, jika dikaji secara mendalam kita mendapati pihak British ada melakukan hal yang sama seperti belanda.

Terdapat fakta sejarah yang membuktikan hal ini. Sebagai respon kepada pembunuhan J.W. Birch, pihak British telah melakukan penjarahan beberapa kampung di Perak. Ia membabitkan pemusnahan kampung, anak sungai, rumah dan

pembunuhan masyarakat yang enggan bekerjasama dengan British dalam usaha mereka mencari Dato Maharaja Lela. Aksi teror yang dilakukan ini mendapat bantahan daripada pejabat tanah jajahan di London.<sup>42</sup>

Pihak Belanda langsung tidak menyediakan tulisan yang menjustifikasikan tindakan kekejaman mereka. Hal ini menyebabkan kecaman hebat timbul kemudiannya oleh sarjana belanda sendiri.

Hal yang berbeza dilakukan oleh British. Mereka menggunakan kaedah dominasi dan hegemoni. Dominasi adalah penguasaan masyarakat oleh kerajaan atau kelompok tertentu melalui kaedah kekerasan agar patuh kepada sistem, strata dan dasar yang ditetapkan. Manakala hegemoni adalah usaha penguasaan kerajaan atau kuasa kepada rakyat atau massa bukan secara langsung menggunakan kaedah kekerasan, tetapi menggunakan pelbagai jalan dan medium yang diakui sah. Ia juga untuk memastikan rakyat atau massa patuh. Contohnya ia dibuat melalui ; undang-undang atau akta khusus; justifikasi ahli agama; sistem pendidikan dan politik yang sah melalui pemilihan rakyat teramai (demokrasi) dan terpenting sekali penggunaan media massa.<sup>43</sup>

Lebih tepat lagi, hegemoni adalah penguasaan masyarakat menggunakan kuasa politik dan intelektual yang diakui ramai. Ia adalah penguasaan secara halus, bukan memaksa secara langsung tetapi menciptakan suasana bagi yang membuat massa merelakan diri mereka untuk dikuasai.<sup>44</sup> Keberkesanan kaedah ini kerana ia

---

Singapore, Printed At the Government Printing Office, 1895, p. 172.

<sup>38</sup>Report of the Committee on Malay Education Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 1951, pp. 29, 30.

<sup>39</sup>William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, p. 51.

<sup>40</sup>William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, p. 130; Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism*, p. 24; Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators*, p. 106; Committee on Malay Education, *Report of the Committee on Malay Education Federation of Malaya*, Kuala Lumpur, 1951, p. 1.

<sup>41</sup>Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators*, 1975, p. 109; H. R. Cheeseman, "Education in Malaya 1900-1941", *Malaysia in History*, 1979, Kuala Lumpur, p. 129.

<sup>42</sup>Michelle Gordon (2017), *British Colonial Violence In Perak, Sierra Leone And The Sudan*, Tesis Phd Untuk Royal Holloway, University of London, khususnya h. 51-80.

<sup>43</sup>Roge Simon (1999), *Gagasan-Gagasan Politik Gramsci*, Yogyakarta: Penerbit INSIST, h. 20, 11 dan 13.

<sup>44</sup>Daniel Hutagalung (2004), Hegemoni, Kekuasaan Dan Ideologi, *Diponegoro 74: Jurnal Pemikiran Sosial, Politik Dan Hal Asasi Manusia*, no 12, h. 1-16

menggunakan peranan intelektual dan moral ( ulamak menjustifikasikan ketaatan pada pemerintah) dan mampu membentuk *public opinion* masyarakat melalui media massa.<sup>45</sup>

Apa yang jelasnya, sesuatu kuasa dapat bertahan lama dengan menggunakan kaedah dominasi dan hegomoni sekaligus. Apabila hegomoni diperolahi, rakyat dan massa mengakui keabsahan kuasa pemerintah dengan sebab faktor moral, yang menyebabkan rakyat akan taat dan gagal memnyedari bahawa diri mereka ditindas, menganggap sistem itu sebagai adil dan sesuai dengan kehendak tuhan.

Hasilnya, kekejaman British di Tanah Melayu seperti peristiwa etnik cleansing di perak, Pahang dan Kelantan Berjaya ditutup apabila mereka menggunakan kaedah hegomoni ini. Kononnya, mereka bukannya menindas rakyat tetapi bertindak untuk menjaga keamanan di Tanah Melayu dengan autoriti daripada raja Melayu.

## **2. Penggunaan Buruh Paksa Atau Hamba.**

British tidak menggunakan buruh paksa/ hamba, tetapi menggunakan buruh asing dalam sistem yang menyamai sistem perhambaan. Hal yang sebaliknya dilakukan oleh belanda. Sejarah mencatatkan bagaimana Belanda memaksa masyarakat indonesia terlibat sebagai buruh paksa dalam pertanian rempah. Belanda juga direkordkan terlibat dalam perdagangan hamba, sedangkan British menghapuskan perdagangan hamba.

## **3. Pemaksaan Pemakaian Asas Epistemologi Barat Kepada Masyarakat Peribumi**

Salah satu keunikan penjajahan British di Tanah Melayu adalah masyarakat Melayu tidak merasa sangat impak buruk penjajahan. Hal ini berbeza dengan masyarakat Indonesia, di mana mereka sangat membenci penjajah Belanda, sehingga

nama dan semua saki baki pengaruh Belanda akan dimusuhi. Ia berpunca daripada pendekatan penjajah Belanda yang sangat keras semasa menjajah indonesia. Penjajah British memang menjalankan dasar penjajahan secara berhemah tetapi penuh dengan tipu helah. Akibatnya, tidak semua memaklumi impak buruk yang ditinggalkan oleh penjajah British. Lebih-lebih lagi, bagi anak didik British berupa golongan pembesar Melayu telah menjadi pemimpin malaysia selepas merdeka.

Pihak British menerapkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu yang kekal dipakai sehingga selepas Malaysia merdeka. Ianya diterapkan melalui sistem pentadbiran dan pendidikan di Tanah Melayu. Mereka mengajar tentang *world-view* barat dalam soal-soal matlamat hidup, apa yang penting, bagaimana pengurusan serta penyelesaian masalah dan terpenting sekali mereka menolak semua world-view, cara hidup dan paradigma pemikiran Melayu. Ia antara lainnya merangkumi;<sup>46</sup>

1. Seandainya kemajuan dan pembangunan mahu dilaksanakan, negara bekas Tanah Jajahan(negara sedang membangun) perlu menjalankan sistem barat yang bernuansa fahaman sekular dalam segenap segi kehidupan.
2. Semua sistem yang bertentangan dengan pandangan alam barat seperti sistem Melayu-Islam akan dianggap sebagai ketinggalan zaman dan hanya mementingkan suatu etnik tertentu semata-mata.
3. memperkenalkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu. Ianya terdiri daripada;
  - a. Pengosongan alam tabii dan akal insani daripada unsur ketuhanan – manusia bebas melakukan sesuatu program pembangunan tanpa mempedulikan kuasa tuhan.

<sup>45</sup> Faizal Musa (2011), Wacana Sastera Transendental, *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, v. 13, n0.2 h.29-40

<sup>46</sup> Mohd Hazim Shah Abdul Murad (2005), “ Epistemology Colonial: Satu Analisis Cirri Dan

Kesannya “, Dalam (Edit) Mohamad Daud Mohamad, *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, DBP: Kuala Lumpur, h. 91-92

- b. Penafian terhadap kekuasaan politik yang berdasarkan sumber agama.
- c. Pengenalan sistem penilaian nisbi/relatif terhadap agama; manusia bebas menentukan masa depannya sendiri.
- d. Penurunan taraf ilmu agama, berbanding dengan ilmu bukan agama – tumpuan lebih diberi kepada ilmu bukan agama yang kononnya boleh membawa kemajuan.
- e. Penakrifan konsep kebenaran yang keliru dan mengikut paradigma sekularisme.

Ia adalah penjajahan yang lebih jahat dan mendalam sifatnya. Indeks pengaruh pemikiran sekular warisan British di Malaysia dapat dilihat kepada program Revolusi Mental. Ia dikenali dengan gerakan revolusi mental yang dicetuskan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1960an dan diaktifkan oleh Pemuda UMNO pimpinan Dato<sup>47</sup> Senu Abdul Rahman. Hasrat gerakan revolusi mental adalah untuk mengubah cara berfikir, pandangan dan sikap anggota masyarakat bagi menyesuaikan diri dengan masa untuk mendorong mereka lebih giat lagi merebut kemajuan dalam segala bidang hidup. Akhirnya, melalui kempen-kempen, kursus-kursus kesedaran, Dato<sup>47</sup> Senu Abdul Rahman telah mengumpulkannya dalam buku bertajuk Revolusi Mental.

Intipati utama program ini adalah peri pentingnya masyarakat Melayu meniru gaya hidup sekularisme British yang mengutamakan pencapaian materialistik. Ia secara langsung menyerupai pendekatan yang digunakan oleh sarjana-pentadbir British, seperti mendedahkan sebab kelemahan orang Melayu yang enggan berubah dan terlalu berpegang kepada ajaran Islam.

Buku Revolusi Mental telah menyenaraikan tujuh belas sikap buruk yang terdapat dalam nilai budaya Melayu, iaitu kurang inisiatif, kurang ingin tahu, lemah

fikiran rasional, kurang keaslian, kurang imaginasi, percayakan nasib (yang telah ditentukanNya) dan lain-lain. Kelemahan utama buku dapat dilihat daripada sikap pemimpin Melayu itu sendiri yang terdiri daripada kelas pembesar Melayu. Mereka tidak menjiwai masalah orang Melayu yang dizalimi oleh sistem feodal Melayu dan dasar penjajah British.

Syed Hussein Alatas dalam bukunya *Mitos Pribumi Malas* (1977), berpendapat bahawa cerita tentang kemalasan bangsa Melayu yang selalu dicanangkan oleh penjajah adalah tidak berasas. Malahan lebih teruk lagi ia digunakan untuk kepentingan ideologi mereka yang berselindung di sebalik undang-undang untuk mengerah tenaga kerja golongan bumiputera dan mencari alasan untuk menindas dan menjajah Tanah Melayu. Pada anggapan mereka, iklim tropika yang lembap dan panas, jangkitan penyakit serta kemewahan para pemimpin telah menyebabkan rakyat sengsara. Mereka menjadi manusia beku tanpa cita-cita.

Syed Hussein Alatas<sup>47</sup> telah memberi contoh itu di mana Hugh Clifford, seorang pentadbir kolonial Inggeris yang menyatakan: "*Orang Melayu telah menjadi anggota komuniti yang tidak menguntungkan dan tidak memuaskan kerana kaum Melayu tidak menyediakan tenaga kerja untuk mengembangkan sumber negeri ini,*" Dalam menyangkal semua dakwaan tersebut, Syed Hussein Alatas telah menunjukkan bukti bahawa masyarakat Melayu di Malaysia bekerja keras untuk hidup sebagai manusia. Mereka rajin dan mahir dalam bidang masing-masing tetapi sebagai bangsa yang bermaruah mereka tidak bersedia untuk menjadi alat pengeluaran Kapitalis- penjajah Barat yang melayani mereka sebagai hamba abdi.

Beliau juga telah mengkritik buku Revolusi Mental dalam karyanya yang bertajuk *Tumbuh Tiada Berbuah*. Menurutnya, buku tersebut merupakan penggabungan yang kacau bilau daripada

<sup>47</sup>Syed Hussein Al-Attas (1989), *Milos Pribumi Malas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 145

pengetahuan biasa tanpa kedalaman dan dipengaruhi oleh falsafah penjajah dan Kapitalis Barat, tidak teliti, kurang kedalaman intelektual, mempunyai kesimpulan yang menggelikan dalam beberapa contoh, pernyataan yang bertentangan dan bersikap mengabaikan berbagai karya dan pendapat terdahulu tentang masalah yang sarna oleh masyarakat Melayu di sekitar satu abad. Tegasnya, ia tidak menjalani pengkajian yang mendalam atau dirujuk terlebih dahulu kepada fakta-fakta sejarah yang tepat tentang peribadi Melayu.<sup>48</sup>

Dalam soal ini, Syed Hussein al-Attas telah mengemukakan teori mentaliti *watak tertawan*, sikap yang terlalu pro nilai-nilai barat yang dipegang sesetengah kalangan masyarakat di Malaysia. Antara sikap utama golongan ini;<sup>49</sup> 1) Sikap yang suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada barat; 2) Tidak mampu menimbulkan idea ataupun pendekatan baru bagi menangani persoalan hidup, sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalkan penjajah; 3) Mendapat pendidikan langsung daripada institusi pendidikan barat dan sering taasub dengan teori dan bahan bacaan daripada barat; 4) Tidak mengamalkan sikap kritikal dan tidak membantah apa-apa yang disajikan kepada mereka daripada sumber barat dan 5) Tidak menyedari kelemahan sikap tertawan mereka.

#### IV. Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, dapat ditegaskan bahawa kedua-dua kuasa penjajah British dan Belanda memang terlibat secara langsung dan tidak langsung menindas masyarakat tanah jajahan. Terdapat lebih banyak persamaan daripada perbezaan apabila menyentuh pendekatan penjajahan yang digunakan. Bahkan tidak keterlaluan dikatakan bahawa pendekatan dominasi (penindasan fizikal) dan hegemoni (penindasan secara muslihat) milik British

lebih jahat dan ianya kekal lebih lama di Malaysia. Buktinya, banyak masalah masyarakat Malaysia timbul seperti mana isu polarisasi kaum, tohmahan kelemahan Islam, kelemahan ekonomi orang Melayu dan banyak lagi – berpunca semuanya daripada dasar jahat yang diaplikasikan oleh pihak British.

#### DAFTAR PUSTAKA

- Al-Attas, Syed Hussein (1989), *Mitos Pribumi Malas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Hussein (2005), “ Watak Tertawan Di Negara Membangun “, Dalam Edit Oleh Mohamad Daud Mohamad *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP.
- Al-Attas, Syed Hussein. (1979), *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*, Singapura: Pustaka Nasional.
- Aljunied, Syed Mohammed Ad’ha (2010), Colonial Powers, Nation-States And Kerajaan In Maritime Southeast Asia: Structures, Legalities And Perceptions, dalam *New Zealand Journal of Asian Studies* 12 (2).
- Allen, Richard B. (2009), *European Slave Trading in the Indian Ocean, 1500–1850*, Ohio University Press Athens, Ohio.
- Cheeseman, H. R. (1979), “Education in Malaya 1900-1941”, *Malaysia in History*, Kuala Lumpur.
- Committee on Malay Education, (1951), *Report of the Committee on Malay Education Federation of Malaya*, Kuala Lumpur.
- Faghizadeh, Saleh. *Sosiologi Sosiologi*, (terj. Mohd Fauzi Yaacob), Kuala Lumpur: ITNMB. 2004.
- <sup>48</sup> Syed Hussein Al-Attas. (1979), *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 140-142
- <sup>49</sup> Syed Hussein Al-Attas (2005), “ Watak Tertawan Di Negara Membangun “, Dalam Edit Oleh Mohamad Daud Mohamad *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, h. 2-10.

- Ghee, Lim Teck (1976), *Origins of a colonial economy: Land and agriculture in Perak 1874-1897*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Gordon, Michelle (2017), *British Colonial Violence In Perak, Sierra Leone And The Sudan*, Tesis Phd Untuk Royal Holloway, University of London.
- Gullick, J. M. 1992. *Rulers And Residents*. Singapore: Oxford University Press.
- Hawksley, Charles Michael (2001), *Administrative Colonialism: District Administration And Colonial Middle Management In Kelantan 1909-1919 And The Eastern Highland Of Papua New Guinea 1947-1957*, Tesis Kedokteran Untuk University Of Wollongong.
- Hill, E. C. (1895), *Annual Educational Report, 1894, Straits Settlements Annual Reports For the Years 1894*, Singapore, Printed At the Government Printing Office.
- Hon-Chan, Chai (1967), *The development of British Malaya 1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hon-Chan, Chai (1967), *The development of British Malaya 1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hussin, Iza (2007), *The Pursuit of the Perak Regalia: Islam, Law and The Politics of Authority in the Colonial State*. *Law and Social Inquiry* 32 no.3.
- Hutagalung, Daniel (2004), *Hegemoni, Kekuasaan Dan Ideologi, Diponegoro 74: Jurnal Pemikiran Sosial, Politik Dan Hal Asasi Manusia*, no 12.
- Ismail, Abdul Rahman Haji (2003), *Bumiputera, Malay And Islam: A Historical Overview*, *Kajian Malaysia*, No. I & 2.
- Jaffar, Kamaruddin. (2000). *Dr. Burhanuddin Al-Helmy; Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: IKDAS. 2000.
- Johnstone, B. (2018). *Discourse analysis* (Vol. 3). John Wiley & Sons.
- Jomo, K. S (1988), *A Question Of Class: Capital, The State, And Uneven Development In Malaya*. Monthly Review Press/Journal of Contemporary Asia Publishers.
- Kackman, M., & Kearney, M. C. (Eds.). (2018). *The Craft of Criticism: Critical Media Studies in Practice*. Routledge.
- Loo, Ern Chen (2014), *The Impact Of British Colonial Rule On The Malaysian Income Tax System*, Dalam *Ejournal Of Tax Research*, Vol. 12, No. 1.
- McVey, Ruth T, (1998), *Globalization, Marginalization, And The Study Of Southeast Asia, Southeast Asian Studies: Reorientations*. *The Frank H. Golay Memorial Lectures 2 & 3*. Ithaca, NY: Cornell University Southeast Asian Program.
- Murad, Mohd Hazim Shah Abdul (2005), “*Epistemology Colonial: Satu Analisis Sistem Cirri Dan Kesannya*”, Dalam (Edit) Mohamad Daud Mohamad, *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, DBP: Kuala Lumpur.
- Musa, Faizal (2011), *Wacana Sastera Transendental*, *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, v. 13, no.2.
- Muslim, Nazri (2011). *Islam dan Orang Melayu Menurut Perlembagaan Dalam Konteks Hubungan Etnik: Kajian Ke Atas Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Newbold, T. J. (1971), *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Volume One, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Noor, Arba'iyah Mohd (2001), “*Pensejarahan Di Dalam Tradisi Barat Dan Melayu: Satu Perbandingan Ringkas*”, Dalam (Edit) Redzuan Othman, *Jendela Masa*, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Osman Bakar (2003), *Globalisasi Dan Peradaban*, Dalam A. Aziz Deraman,

- Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP.
- Othman, Mohd Yusoff (2005), "Pembinaan Konseptual Dalam Pembelajaran Di IPT", Dalam (Edit) Abdul Razaq Ahmad, *Mahasiswa Abad 21*, Bangi: Penerbit UKM.
- Ozay, Mehmet (2011), A Revisiting Cultural Transformation: Education System In Malaya During The Colonial Era, *World Journal Of Islamic History And Civilization*, v. 1 (1).
- Ozay, Mehmet (2011), A Revisiting Cultural Transformation: Education System in Malaya During the Colonial Era, *World Journal Of Islamic History And Civilization*, 1 (1).
- Rahim, Rahimin Affandi Abdul (2017), Dimensi Jihad Dalam Perjuangan Pahlawan Melayu Menentang Penjajah Di Pahang. *Jurnal Melayu DBP*, 10(1).
- Rahman, M. T. (2010). *Social Justice in Western and Islamic Thought: A Comparative Study of John Rawl's and Sayyid Qutb's Theories of Social Justice* (Doctoral dissertation, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Raja, Sivachandralingam Sundara (2001), "Sumbangan Pedagang Negeri (Country Traders) Dalam Penulisan Sejarah Malaysia", Dalam (Ed. Oleh Mohammad Redzuan Othman) *Jendela Masa; Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rik, Van Welie, (2008), *Slave Trading And Slavery In The Dutch Colonial Empire: A Global Comparison*. New West Indian Guide/Nieuwe West-Indische Gids, vol. 82, nos. 1-2.
- Roff, W. R. (1994). *The origins of Malay nationalism*. Oxford University Press, USA.
- Sadka, E (1968), *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Salleh, Awang Had (1980), *Pelajaran Dan Perguruan Melayu Di Malaya Zaman British Dengan Rujukan Khas Kepada Sultan Idris Training College (SITC)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Schauer, Matthew (2012), *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology, Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939*, tesis Ph.D untuk University of Pennsylvania.
- Seng, Philip Loh Fook, *Seeds of Separatism*, p. 24;
- Simon, Roge (1999), *Gagasan-Gagasan Politik Gramsci*, Yogyakarta: Penerbit INSIST.
- Stevens, H. (2015), *Bitter spice - Indonesia and the Netherlands from 1600*, Vantilt, Nijmegen.
- Stevenson, Rex (1975), *Cultivators and Administrators*.
- Treacher, W. H. "Annual Education Report, For the Year 1893, Appendix", *Straits Settlements Annual Education Report, For the Year 1893*, p. 492; H. R. Cheeseman, "Education in Malaya 1900-1941", 1979, Kuala Lumpur, p. 126; Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism*, 1975, p. 13; Ven. D. D. Chelliah, *A History of The Educational Policy*, p. 64; William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*.
- van Beurden, Joseph Maria (2016), *Treasures in Trusted Hand Negotiating the future of colonial cultural objects*, tesis kedoktoran untuk Universiti Amsterdam.
- Wilkinson, R.J. (1906), *Malay Beliefs*. Leiden: E.J. Brill.